



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MALAKTIVITI MALAYSIA



Bintang PATRIOTIK


smule

Sempena Sambutan Hari Kebangsaan
dan Hari Malaysia 2021



Latar Belakang

Pertandingan Bintang Patriotik Smule pada asalnya dikenali sebagai pertandingan lagu-lagu kenegaraan bermula pada tahun 1998. Pertandingan ini merupakan antara pengisian pameran bersepadu yang berbentuk hiburan berinformasi yang diadakan semasa program utama Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen).

Pertandingan berkonsepkan Patriotik dan Kenegaraan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung. Saban tahun menyaksikan peningkatan dalam jumlah peserta pertandingan.

Kumpulan Sasar

Lagu Patriotik' merupakan tema Pertandingan Bintang Patriotik Smule 2021 bagi menggambarkan jati diri cintakan negara dalam kalangan rakyat Malaysia

Tema

Pertandingan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas



Syarat Penyertaan Pertandingan

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas.
2. Semua peserta wajib follow SMULE Channel@Bintang Patriotik.
3. Format pertandingan terbahagi kepada 2 bahagian;

PERINGKAT SARINGAN

Pilihan lagu mengikut jantina dan hanya 1 lagu sahaja.

PERINGKAT AKHIR

Peserta dikehendaki untuk membuat 2 tugas iaitu;

Tugas pertama ialah lagu patriotik (lagu wajib) dan tugas kedua ialah genre/tema lagu yang ditetapkan oleh penganjur.

4. Patuhi arahan format persembahan pertandingan seperti yang tertera di ruangan Format Pertandingan.
5. Pakaian hendaklah kemas dan sopan serta melambangkan unsur-unsur patriotisme.
6. VOC yang telah "LULUS" sahaja akan dinilai semasa peringkat saringan.
7. Peserta wajib menanda pagar #bintangpatriotik di bio masing-masing.
8. Peserta dilarang menukar ID SMULE sepanjang pertandingan berlangsung.
9. Penganjur berhak membatalkan penyertaan sekiranya berlaku pelanggaran syarat dan mengubah terma dari semasa ke semasa.
10. Keputusan juri adalah muktamad.

JADUAL PERTANDINGAN BINTANG PATRIOTIK SMULE 2021

NO.	Pertandingan Bintang Patriotik Smule 2021	Peringkat Saringan	Peringkat Akhir	Keputusan
1	Edisi 1	18 Februari – 3 Mac 2021	10 – 16 Mac 2021	22 Mac 2021
2	Edisi 2	2 – 15 April 2021	22 – 28 April 2021	4 Mei 2021
3	Edisi 3	18 Jun – 1 Julai 2021	9 – 15 Julai 2021	21 Julai 2021
4	Edisi 4	14 - 27 Ogos 2021	4 – 10 September 2021	17 September 2021
5	Edisi 5	8 September – 21 Oktober 2021	28 Oktober – 3 November 2021	8 November 2021



Format Pertandingan

Peserta perlu memuat turun aplikasi Smule di dalam telefon pintar terlebih dahulu dan menyertai saringan melalui aplikasi Smule. Isikan borang beserta *link* persembahan saringan anda.

Peringkat Saringan

1. Peringkat saringan akan diadakan **selama 14 hari**.
2. Lagu akan dibuka di akaun **Smule @Bintang Patriotik**
3. Sila pilih satu lagu dan nyanyikan dalam format audio **PolishFX** atau **SuperStudioFX**.
4. *Lip sync/miming* **tidak dibenarkan**.
5. Wajib buka fungsi **video**.
6. **Daftar** penyertaan beserta *link* persembahan anda. Hanya **penyertaan yang berdaftar** sahaja akan dinilai.

Peringkat Akhir

1. Peringkat akhir akan diadakan selama **7 hari**.
2. **15 orang peserta** akan dipilih untuk ke peringkat akhir Bintang Patriotik Smule.
3. Finalis akan membuat tugas di **akaun Smule masing-masing**.
4. Finalis akan diberikan 2 tugas akhir iaitu :
Tugas pertama adalah menyanyikan lagu patriotik. (Tidak boleh sama dengan lagu saringan)
Tugas kedua dikehendaki menyanyikan genre lagu yang akan ditetapkan oleh penganjur.
5. **Tugas 1** : GVOG + minimum 2 layer | *Lip sync/miming* dibenarkan. Peserta boleh memilih untuk membuat Musik Video.
6. **Tugas 2** : VOC SOLO | *Lip sync/miming* tidak dibenarkan.
7. Format audio ialah **PolishFX** atau **SuperStudioFX**.
8. Wajib buka fungsi video.



Pendaftaran

Peserta pertandingan ini perlu mendaftar dengan mengisi borang penyertaan di laman sesawang seperti berikut ;

- <http://www.penerangan.gov.my>
- merdeka.penerangan.gov.my
- Facebook : Bintang Patriotik

Urus setia hanya akan menerima borang penyertaan pendaftaran yang mematuhi syarat-syarat dan terma pertandingan.

Peserta wajib mengisi borang kaji selidik yang disediakan.

Hak Milik dan Penggunaan

Dengan menyertai pertandingan ini, semua peserta telah bersetuju memberikan hak milik/hak cipta dan penggunaan serta membenarkan pihak Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk mengguna semula, menyiarkan, menerbit atau mempamerkan penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium sama ada tempatan atau antarabangsa tanpa sebarang notis atau pembayaran royalti kepada para peserta.

Penafian

Pihak penganjur tidak bertanggungjawab dalam apa jua keadaan sekiranya peserta didapati melakukan kesalahan atau melanggar mana-mana syarat pertandingan ini.

Pihak penganjur mempunyai kuasa mutlak dan berhak untuk meminda terma dan syarat pertandingan ini pada bila-bila masa sekiranya difikirkan wajar dan perlu.

Pihak penganjur berhak membuat keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah jika berlaku sebarang perkara yang tidak diingini demi memastikan kelancaran perjalanan pertandingan pada satu-satu masa.

Kaedah Pemarkahan

1. Pemarkahan juri adalah berdasarkan 70% lagu patriotik dan 30% lagu pilihan.
2. Kriteria termasuklah suara, tempo, sebutan dan gaya peserta.
3. Prop dan pakaian yang berunsurkan patriotik adalah diambil kira dalam pemarkahan.



Hadiah Untuk Pemenang

Hadiah berupa wang tunai, plak dan sijil penyertaan daripada Jabatan Penerangan Malaysia.

- Juara : Wang Tunai RM700.00**
- Naib Juara : Wang Tunai RM500.00**
- Tempat Ketiga : Wang Tunai RM300.00**
- Persembahan Terbaik : Wang Tunai RM150.00**

Panduan Penggunaan Jalur Gemilang Dalam Video

Jalur Gemilang hendaklah dipasang secara melintang sahaja.



Bendera saiz biasa




Bendera TIDAK BOLEH digantung secara terbalik



Bendera saiz biasa TIDAK BOLEH digantung secara menegak



Penggunaan bendera pelbagai gaya pada alas meja, kusyen, langsir, payung, toala mandi, pelitup muka, kain tudung, topi, songkok, tanjak, sampin, pakaian dan sebagainya adalah TIDAK DIBENARKAN.



Objek seperti botol, pasu, tiang, tin, tudung saji dan sebagainya yang dibalut dengan bendera atau dilukis menyerupai bendera adalah TIDAK DIBENARKAN.



Jika disambung dalam kuantiti yang banyak (flagline), kedudukan bendera haruslah dipasang secara melintang juga.



Bendera BOLEH disambung dalam kedudukan melintang dengan kuantiti yang banyak (flagline)



Bendera TIDAK BOLEH disambung dalam kedudukan menegak dengan kuantiti yang banyak (flagline)



Bendera berbentuk segitiga TIDAK BOLEH disambung dalam kuantiti yang banyak (flagline)



Dari sudut hadapan, kiri Banner Malaysia bermula dengan jalur berwarna merah dan diakhiri dengan jalur berwarna putih



Banner Malaysia harus mempunyai bentuk ekor di bawah yang berukuran 1/8 daripada panjangnya



Banner Malaysia TIDAK BOLEH dikibarkan secara melintang



Penggunaan warna asas dan motif bendera (merah, putih, biru dan kuning) sahaja DIBENARKAN.





Soalan Lazim

S. Bagaimana untuk mendaftar?

J. Anda perlu mengisi borang penyertaan melalui *link* yang disediakan melalui laman web rasmi Jabatan Penerangan Malaysia, Facebook Bintang Patriotik atau FB JaPen.

S. Apakah format pertandingan?

J. Format pertandingan boleh didapati di sini. (rujuk lampiran FAQ)

S. Adakah sebarang bayaran dikenakan untuk menyertai pertandingan ini?

J. Tiada sebarang bayaran untuk mengambil bahagian dalam pertandingan ini. Walau bagaimanapun, anda bertanggungjawab untuk semua kos yang berkaitan termasuk bayaran sambungan internet dan download aplikasi Smule (akaun VIP).

S. Apakah kriteria penilaian juri?

1. Pemarkahan juri adalah berdasarkan kepada 70% kepada lagu patriotik dan 30% kepada lagu pilihan.
2. Kriteria termasuklah suara, tempo, sebutan dan gaya peserta.
3. Prop dan pakaian yang berunsurkan patriotik adalah diambil kira dalam pemarkahan.

S. Apakah hadiah yang menanti pemenang?

J. Para pemenang akan merima sijil dan wang tunai.

Tempat Pertama	:	Wang Tunai RM700.00
Tempat Kedua	:	Wang Tunai RM500.00
Tempat Ketiga	:	Wang Tunai RM300.00
Persembahan Video Terbaik	:	Wang Tunai RM150.00

S. Bolehkah saya menghantar lebih daripada 1 penyertaan?

J. Boleh. Penyertaan pertandingan tiada had dan juri hanya akan memilih 1 yang terbaik sahaja. 1 pemenang/individu akan menerima 1 hadiah sahaja.



Soalan Lazim

- S. Bagaimanakah saya boleh tahu garis masa atau tempoh pertandingan ini?
J. Berikut adalah jadual pertandingan untuk rujukan anda :

JADUAL PERTANDINGAN BINTANG PATRIOTIK SMULE 2021

NO.	Pertandingan Bintang Patriotik Smule 2021	Peringkat Saringan	Peringkat Akhir	Keputusan
1	Edisi 1	18 Februari – 3 Mac 2021	10 – 16 Mac 2021	22 Mac 2021
2	Edisi 2	2 – 15 April 2021	22 – 28 April 2021	4 Mei 2021
3	Edisi 3	18 Jun – 1 Julai 2021	9 – 15 Julai 2021	21 Julai 2021
4	Edisi 4	14 - 27 Ogos 2021	4 – 10 September 2021	17 September 2021
5	Edisi 5	8 September – 21 Oktober 2021	28 Oktober – 3 November 2021	8 November 2021

- S. Bilakah tempoh waktu untuk mendaftar pertandingan ini?
J. Tarikh pendaftaran dan menghantar tugas pertandingan adalah bermula mengikut edisi 1 hingga 5 bermula 18 Februari sehingga 3 November 2021 jam, 11.59 malam. (Rujuk jadual di atas)
- S. Pertandingan ini disertai secara individu atau berkumpulan/duet?
J. Secara individu.
- S. Adakah saya boleh menggunakan Jalur Gemilang (bendera Malaysia) dalam video persembahan saya?
J. Ya. Itu adalah kreativiti masing masing dan tertakluk kepada tata cara penggunaan bendera yang dibenarkan seperti keterangan yang dilampirkan dalam borang penyertaan.
- S. Bagaimanakah saya mengetahui keputusan pertandingan ini nanti?
J. Keputusan pertandingan akan diumumkan melalui laman web rasmi dan facebook Jabatan Penerangan Malaysia serta facebook Bintang Patriotik. Pihak penganjur akan menghubungi pemenang yang layak ke peringkat akhir apabila keputusan pertandingan telah diumumkan.



Sempena Sambutan Hari Kebangsaan
dan Hari Malaysia 2021

Untuk keterangan lanjut

[f](#) [@](#) [t](#) [v](#) #bintangpatriotik [f](#) [@](#) Jabatan Penerangan Malaysia

PENYERTAAN PERCUMA